

Utusan Sarawak

TARIKH	3 / 4 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	E3	RUANGAN	UTUSAN SARAWAK

Tabung Haji terima tawaran syarikat perladangan Indonesia

KUALA LUMPUR, Isnin - Lembaga Tabung Haji (TH) hari ini mengumumkan yang ia telah secara bersyarat menerima cadangan tawaran daripada syarikat berpangkalan di Indonesia untuk memiliki 95 peratus kepentingan ekuitinya dalam PT TH Indo Plantation (THIP).

Penerimaan berkenaan berikutan penilaian tawaran, adalah tertakluk kepada butir-butir yang akan dimuktamadkan bila tiba masanya, demikian menurut TH dalam satu kenyataan hari ini.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji Datuk Ismee Ismail berkata THIP memiliki dan mengusahakan 83,879 hektar ladang sawit di Riau, Indonesia.

Tawaran tersebut dijangka memberi peluang yang baik kepada syarikat untuk merealisasikan kenaikan nilai pelaburannya dalam THIP.

"Berbanding dengan nilai pelaburan awalnya, tawaran yang diterima bakal memberi transaksi dan pulangan pelaburan yang baik seperti ini dan akan tentunya memberi faedah

kepada pendeposit secara langsung," kata Ismee.

Hasil daripada penjualan itu dijangka dilaburkan dalam aset perladangan lain.

"Perladangan akan terus menjadi satu daripada sektor pelaburan utama dalam TH, mengambil kira prospek yang baik dan aliran tunai kukuh," kata Ismee.

Beliau berkata TH akan meneruskan usahanya mengurus pelaburannya untuk kepentingan tujuh juta pendepositnya, di samping memastikan pulangan yang berdayasaing. — Bernama